

**ULASAN BUKU: EKO PRAYITNO JOKO (PENYELENGGARA). (2018).
*DESKRIPSI MENGENAI SABAH DARIPADA PELBAGAI PERSPEKTIF:
ESEI-ESEI SUMBANGSIH UNTUK SABIHAH OSMAN.*
KUALA LUMPUR: ITBM. HLM. 335. ISBN 978-967-460-288-8. RM38.00
(SEM. MALAYSIA) RM43.00 (SABAH/SARAWAK)**

BASZLEY BEE B. BASRAH BEE

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

Corresponding author: baszley@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 19/10/2021 / Tarikh diterima: 18/1/2022 / Tarikh terbit: 22/12/2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v28i1.4199>

Eko Prayitno Joko merupakan pensyarah muda dalam bidang sejarah lisan di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau telah menghasilkan dan menyunting banyak penulisan khususnya buku dan artikel berkaitan dengan sejarah lisan dalam aspek sejarah politik, sosial dan kebudayaan di Sabah. Justeru, berlatarbelakangkan kepakaran kajian dan penulisan mengenai Sabah telah membolehkan beliau menyelenggara dan menyunting hasil penulisan dalam buku ini.

Buku ini merupakan kumpulan bab bagi menghargai dan mengiktiraf peranan yang telah disumbangkan oleh Profesor Emeritus Dr. Sabihah Osman. Beliau merupakan seorang sejarawan dalam bidang sejarah Sabah, Sarawak dan Brunei Darusalam yang berkhidmat di UMS dari tahun 2000 hingga 2013. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) antara tahun 1974 hingga 1999. Kajian dan penulisan yang beliau hasilkan begitu berpengaruh dalam pensejarahan kedua buah negeri ini dan Brunei Darusalam sejak tahun 1972 hingga 2011 dan dalam jumlah yang sukar ditandingi. Oleh yang demikian, 18 buah bab dalam buku ini adalah mencerminkan asuhanan kepakaran beliau selama hampir empat dekad. Malah, kesemua para penulis bab dalam buku ini merupakan antara yang diasuh dari ilmu dan pemikiran sejarah beliau.

Tema buku ini adalah berkaitan dengan Sabah dari pelbagai perspektif yang berfokuskan kepada bidang sejarah dalam konteks politik, sosial, ekonomi dan sejarah lisan. Terdapat juga bab yang menyentuh aspek warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan permuziuman. Para penulis telah menghasilkan penulisan dengan berdasarkan kajian arkib dan

kajian lapangan dengan sumber yang kukuh. Jika dilihat pada perspektif yang disentuh, nyata sekali buku ini adalah sebuah kronologi sejarah Sabah dari Zaman Tradisional pada abad ke-10 hingga kontemporari.

Buku ini dimulai dengan bab berkaitan dengan latarbelakang Sabihah Osman yang ditulis oleh tiga penulis berbeza latarbelakang kepakaran yang mengkronologikan peranan dan sumbangannya beliau. Meskipun bab ini agak ringkas tetapi mencukupi untuk pembaca mengenali beliau. Perbincangan naratif dirumuskan dalam bentuk yang agak menarik sekali dengan puisi khusus untuk beliau yang mencerminkan ketokohnanya sebagai “bonda sejarah”. Diikuti oleh bab berkaitan dengan Zaman Tradisional di Sabah yang agak jarang disentuh dalam penulisan sejarah Sabah sebelum ini. Lantaran itu, buku ini menyajikan suatu yang agak baharu kepada peminat dan pembaca sejarah Sabah. Kerajaan Tuaran yang diketengahkan berdasarkan sumber Arab dan etnosejarah telah diangkat sebagai sebuah kerajaan tertua di Sabah yang berusia 1000 tahun. Kepakaran Bilcher Bala sebagai pengkaji dalam menjelaskan dan menginterpretasi fakta sejarah perlu diperakui kerana sumber yang digunakan adalah amat berkredibiliti.

Perspektif sejarah politik terdiri dari lima buah bab. Penumpuan kepada aspek ini amat bersesuaian untuk melambangkan kepakaran utama Sabihah Osman dalam aspek sejarah berkaitan. Kelima-lima bab ini dihasilkan oleh para penulis yang telah lama mengkaji dan menulis beberapa penulisan lain dalam konteks aspek yang sama. Gerakan anti-Jepun yang dibincangkan oleh Md. Saffie Abdul Rahim adalah hanya berkisar kepada penglibatan masyarakat peribumi Sabah dengan penonjolan beberapa orang tokoh yang cukup dikenali hingga ke hari ini. Mohamad Rodzi Abd Razak membincangkan sejarah konfrontasi Indonesia-Malaysia dengan mengetengahkan bagaimana kedudukan Sabah sebagai pendukung kepada kedaulatan nasional untuk sebuah negara yang baharu merdeka dalam konflik bersenjata tersebut. Dua buah penulisan menyentuh institusi pentadbiran peribumi Sabah oleh Mosli Tarsat dan Shaiful Huzairi Mohd Kabil. Institusi secara umum dan penglibatan khusus etnik Bajau semasa pentadbiran British North Borneo Company (BNBC) dan Kolonial British adalah penulisan yang didasarkan oleh kajian selama lebih dua tahun telah memberikan dapatan kajian baharu dan melengkapkan kajian terdahulu

yang antaranya dipelopori oleh Sabihah Osman sendiri. Begitu juga bab yang menyentuh sejarah kepartian yang begitu dominan dalam pensejarahan politik Sabah yang ditulis oleh Hamdan Aziz, seorang sejarawan yang cukup kental dalam meharungi penimbaan ilmu. Kajian dan penulisan seperti sedemikian tidak boleh dipisahkan dengan Sabihah Osman dan tidak lengkap sebuah buku yang diabadi untuk beliau tanpa menyentuh aspek sejarah ini.

Mengenai perspektif sejarah ekonomi pula, tiga penulisan yang disumbangkan oleh Ab Nasir Rosaln, Dg. Junaidah Ag. Jambol, Reany Koton dan Maureen de Silva. Berkaitan dengan pengurusan kewangan BNBC dan penglibatan etnik peribumi dalam sektor pertanian dan perburuhan. Kedua tema ini juga jarang ditulis dalam pensejarahan Sabah. Sejarah pengurusan kewangan BNBC memperlihatkan pendekatan berbeza dalam penulisan sejarah ekonomi Sabah. Perbincangan berkaitan etnik peribumi iaitu Melayu Brunei secara khusus dalam aktiviti ekonomi pula agak janggal kerana sejarah etnik ini lebih meluas ditulis dalam konteks ketuanan kesultanan Brunei. Sejarah perburuhan yang dianalisis dalam buku ini menyentuh persoalan sebab-musabab pengkreutan buruh peribumi oleh BNBC. Tiga orang penulis yang mengkaji perspektif ini telah menggabungkan dapatan kajian mereka dalam konteks yang lebih luas.

Perspektif warisan kebudayaan ketara dan warisan kebudayaan tidak ketara membuka ruang perbincangan yang lebih luas lagi. Tiga bab yang ditulis oleh Amrullah Maraining, Zainuddin Baco dan Baszley Bee yang masing-masing membincangkan warisan bina yang dibina sempena dalam pembentukan Malaysia, konsep *berjalai* dalam etnik Iban di Sabah dan tragedi kapal karam. Suatu lagi aspek kajian dan penulisan yang baharu diketengahkan dalam konteks pensejarahan negeri ini. Penulisan sebelum ini lebih condong kepada sejarah politik mengenai pembentukan Malaysia dan etnik Iban lebih sinonim di Bumi Kenyalang. Satu bab khusus mengenai keberadaan tapak karam S.S *Saint Pancras* dari perspektif *naufragium* menyumbang kepada penulisan sejarah maritim Sabah yang selama ini lebih di dominasi oleh karya arkeologi maritim. Tidak lengkap dalam membincangkan sejarah dan warisan Sabah tanpa menyentuh institusi permuziumannya. Peranan muzium negeri dalam memalarsegarkan tradisi lisan etnik di Sabah adalah gabungan dua bidang kajian iaitu museologi dan sejarah lisan. Pendekatan eksperimentasi

penulisan sejarah yang cuba diketengahkan oleh Eko Prayitno Joko yang juga penyunting buku ini.

Akhir sekali persepektif sejarah Islam di Sabah berkaitan dakwah oleh para pendakwah Islam dari Indonesia. Penulisan oleh Nurasnie Amirrudin dan Mohamad Shaukhi Mohd Radzi merupakan julung kalinya mengenai kajian sedemikian. Sekian lama pensejarahan Islam di Sabah lebih berfokus kepada sejarah kedatangan dan perkembangan Islam yang mengaitkan peranan Kesultanan Brunei, institusi keagamaan pascamerdeka dan kedudukan entik peribumi Islam. Meskipun sumber dokumentasi agak terbatas tetapi veteran pendakwah Indonesia yang masih boleh dijejaki di negeri ini dapat memberikan sumber lisan yang berharga sekali.

Kesimpulannya, buku menambah sebuah lagi karya pensejarahan Sabah yang amat bernilai untuk rujukan para pengkaji yang ingin mengembangkan isi perbincangan yang disentuh. Buku ini mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam kalangan buku berkaitan sejarah dan kebudayaan negeri ini.